

15 MAY 2002

Cina-Inggeris/I

MASYARAKAT CINA DI S'WAK MAHU KELAS TAMBAHAN BAHASA INGGERIS

KUCHING, 15 Mei (Bernama) -- Masyarakat Cina di Sarawak lebih suka kelas tambahan bahasa Inggeris diadakan di sebalik mengajar matapelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa itu.

Tinjauan Bernama dengan pemimpin-pemimpin masyarakat itu di sini secara amnya menunjukkan mereka khuatir pengajaran dua matapelajaran itu dalam bahasa Inggeris boleh menjejaskan bahasa Mandarin yang merupakan bahasa perantara di sekolah-sekolah Cina dan juga identiti sekolah-sekolah Cina.

Setiausaha Eksekutif Persatuan Chawan Sarawak Penghulu Chan Teng Yaw berkata cadangan itu memang baik tetapi ia boleh jejkaskan penggunaan Mandarin sebagai bahasa utama di sekolah-sekolah Cina, oleh itu masyarakat Cina tidak begitu gembira dengan cadangan itu.

"Saya akui yang bahasa Inggeris itu penting khasnya dalam matapelajaran Sains...tetapi Mandarin ialah bahasa perantara sekolah-sekolah Cina dan kami mahu terus kekalkan identiti Cina sekolah-sekolah itu," katanya.

Kapitan Tan Tuan Yee dari Kenyalang Park dan Kapitan Poh Tze Hang dari Foochow Road No. 1 kedua-duanya juga berpendapat pelaksanaan cadangan itu boleh menyebabkan sekolah-sekolah Cina kehilangan identiti mereka.

"Jika kerajaan mahu meningkatkan standard bahasa Inggeris, saya cadangkan mereka pertimbangkan cara lain seperti mengadakan kelas-kelas tambahan bagi bahasa Inggeris selepas waktu sekolah dan bahasa itu tidak digunakan untuk mengajar mata pelajaran lain," kata Tan.

Poh bersetuju akan perlunya penekanan terhadap bahasa Inggeris di sekolah-sekolah dan berkata: "Kita tidak halang sebarang langkah menaikkan standard bahasa Inggeris asalkan ia dibuat melalui kelas tambahan dan bukan mengajar mata pelajaran lain dalam bahasa itu."

Anggota Dewan Undangan Negeri bagi Padungan, Lily Yong berkata cadangan matapelajaran Matematik dan Sains diajar dalam bahasa Inggeris walaupun bijak tetapi pelaksanaannya tidak boleh drastik.

"Pembuat dasar harus cermat apabila melaksanakannya kerana jika tidak dilakukan berperingkat-peringkat, rakyat yang akan menghadapi padahnya," kata beliau kepada Bernama di sini, hari ini.

Jumaat lepas, semasa mesyuarat Majlis Tertinggi Umno Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan yang dua mata pelajaran itu diajar dalam bahasa Inggeris bermula dari sekolah rendah lagi untuk memastikan para pelajar dapat menguasai bahasa itu.

Sementara itu Hua Chiang Kuet, 41, seorang ahli perniagaan dengan lima orang anak di sekolah Cina yang sudah biasa dengan bahasa Mandarin selama ini berkata, anak-anaknya pasti akan menghadapi kesukaran jika dua matapelajaran itu diajar dalam bahasa Inggeris.

"Saya tidak bersetuju dengan cadangan itu...Saya menghantar anak-anak saya untuk belajar bahasa Cina...saya boleh hantar mereka ke kelas tuisyen untuk meningkatkan tahap bahasa Inggeris mereka," katanya.

-- BERNAMA

TSY MT PR